

SIARAN MEDIA

INSKEN BUSINESS OUTREACH – JELAJAH 8 NEGERI UNTUK BANTU USAHAWAN JANA PENDAPATAN

SELANGOR, 23 JANUARI 2020 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) telah menganjurkan siri jelajah yang pertama bagi Program INSKEN Business Outreach (IBO) 2020 bertempat di IDCC, Shah Alam Selangor. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Puan Rodziah Binti Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor. Turut hadir ialah Yang Berusaha Dr. Anis Mahmud @ Abdul Samad, Timbalan Ketua Setiausaha, (Dasar dan Strategi Keusahawanan), MEDAC.

INSKEN Business Outreach 2020 merupakan seminar 1 hari yang membawakan topik berkaitan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) iaitu pengurusan dan penjanaan pendapatan melalui data pelanggan. Program dari jam 8 pagi hingga 5 petang ini dipenuhi dengan 8 slot iaitu Psychometric Test (MyNept), Mind Setting oleh Fahdi Ghazali, Jualan dan Data, Ask the Expert, Strategi Urus Data, Modal Ilmu, dan Buat Duit Dengan Data.

Siri pertama yang diadakan di Selangor ini telah berjaya mengumpulkan 500 usahawan dari pelbagai industri. Objektif utama IBO dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada usahawan dan peluang untuk belajar mengenai penggunaan data pelanggan dari pakar-pakar dalam bidang-bidang berkaitan. Selain itu, program ini juga memberi galakan kepada usahawan tentang kepentingan penggunaan data pelanggan agar seiring dengan Revolusi Industri 4.0.

Program ini menyasarkan untuk melatih 3,500 usahawan secara keseluruhan melalui siri jelajah yang akan diteruskan ke tujuh (7) lagi negeri iaitu Pulau Pinang, Kelantan, Sarawak, Johor, Kedah, Sabah dan Terengganu.

Bagi menjayakan Program IBO kali ini, INSKEN turut berkolaborasi dengan beberapa agensi seperti UPEN, MARA, BSN, PERHEBAT, PUNB, TEKUN, SME Corp, AIM, PDC Penang, SEDCO, Mitrade Sarawak dan DIDR Sabah.

Antara pengisian lain yang turut dijalankan menerusi Program IBO adalah Biz Clinic untuk usahawan mendapatkan khidmat rundingan bisnes dari Biskaunselor INSKEN dan juga sesi temuduga bagi pencarian Biskaunselor baru. Senarai siri jelajah IBO untuk seterusnya adalah seperti berikut:

Negeri	Tarikh	Tempat
Pulau Pinang	06 Februari 2020	The Light Hotel, Sebarang Perai, Pulau Pinang
Kelantan	12 Februari 2020	Grand Renai Hotel, Kota Bahru, Kelantan
Sarawak	19 Februari 2020	Pullman Hotel, Miri, Sarawak
Johor Bahru	25 Februari 2020	Persada Johor, Johor Bahru, Johor
Kedah	04 Mac 2020	TH Hotel and Convention Center, Alor Setar, Kedah
Sabah	12 Mac 2020	Four Points By Sheraton, Sandakan, Sabah
Kuala Terengganu	25 Mac 2020	Duyong Marina & Resort, Kuala Terengganu, Terengganu

Maklumat lanjut mengenai program IBO serta pendaftaran boleh diperolehi melalui laman web rasmi INSKEN di www.insken.gov.my

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
23 Januari 2020